

24/10/2003

Serangan ekonomi mesti ditangkis

SEJAJAR kedudukannya sebagai kuasa tunggal dunia, Amerika Syarikat (AS) bukan saja mengambil kesempatan melancarkan serangan tentera bagi menunduk dan menguasai negara lemah, malah turut berusaha memporak-perandakan ekonomi jika ada peluang. Tembelang ini didedahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun tanpa menyebut AS secara khusus, kelmarin. Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang secara langsung atau tidak dikuasai AS, bertindak licik untuk menguasai ekonomi dunia selain dibantu kumpulan penyangak mata wang seperti George Soros. Namun, apa yang selama ini tidak dihebohkan adalah betapa bahayanya keganasan terhadap ekonomi sesebuah negara berikutan tumpuan diberikan kepada kesan buruk serangan ketenteraan.

Kedadaan di Afghanistan dan Iraq menunjukkan betapa tindakan gelojoh dan atas alasan menghapuskan keganasan dan membalas dendam AS menyebabkan kemusnahan tidak terhingga dan menambah penderitaan rakyat. Huru-hara dan kesusahan dialami rakyat juga turut dirasai akibat serangan terhadap ekonomi sesebuah negara. Ini terbukti apabila pada 1998, dengan menyerang mata wang baht Thailand, penyangak mata wang mencetuskan kesan libasan cukup menjahanamkan apabila Ringgit Malaysia, rupiah Indonesia dan ekonomi Korea Selatan terjejas teruk. Kegiatan tidak bertanggungjawab itu menyebabkan kegawatan ekonomi yang membuat banyak syarikat bankrap dan ada kerajaan hampir muflis.

Sedang rakyat kehilangan pekerjaan dan semakin resah, media Barat dan penyangak mata wang enggan menolak tuduhan ia juga satu bentuk keganasan, tetapi yang jelas Indonesia hari ini terpaksa mengikut telunjuk IMF dan Bank Dunia yang memberinya pinjaman berbilion-bilion dolar. Begitu juga Mexico dan Argentina, sedang kita tidak masuk perangkap Soros dan dua agensi itu berkat ketabahan dan kebijaksanaan Dr Mahathir yang dikecam berterusan oleh AS. Apabila bank dan industri negara membangun hampir runtuh, maka muncul syarikat gergasi Barat dan AS yang ibarat singa lapar cuba menguasai segenap sektor ekonomi negara terjejas itu.

Sebagaimana terbukti AS dan Barat cuba menggunakan WTO dan globalisasi bagi meneruskan penjajahan ekonomi, tetapi ini disedari Dunia Ketiga. Cancun dan rundingan pusingan Doha menjadi pentas negara membangun menepis segala usaha penjajahan bentuk baru itu. Dunia Ketiga tidak mahu lagi terus menjadi mangsa Barat dan AS yang mengatur agenda mereka menerusi WTO

selain IMF dan Bank Dunia. Kesedaran inilah yang menyebabkan Cancun gagal dan Dunia Ketiga bertindak bijak apabila bangkit mempertahankan hak mereka kerana enggan diperkudakan lagi.